

Syahida Nadia Zakaria. (2015). Kesan Pendekatan Konstruktivisme dan Pendekatan Tradisional Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 12-21.

## FUNGSI PANDANGAN ALAM DAN KESEPADUAN ILMU DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Mahfuzah Mohammed Zabidi, PhD.  
mahfuzah3051@uitm.edu.my  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)  
Universiti Teknologi Mara Pasir Gudang, Johor

### Abstrak

Pandangan alam memberi arah terhadap setiap proses pendidikan. Dalam Islam, tujuan akhir setiap proses pendidikan ialah melahirkan insan yang berakhhlak. Masalah penghayatan akhlak dalam diri seseorang bukan semata-mata disebabkan oleh ketiadaan ilmu. Seseorang yang berilmu juga boleh terlibat dengan masalah akhlak apabila berlaku kekeliruan dalam memahami konsep ilmu menurut Islam. Akibat kekeliruan tersebut, nilai rohani dan ketuhanan terpisah dari bidang ilmu yang dipelajari. Artikel ini bertujuan menerangkan pandangan alam Islam yang menjadi landasan kepada pendidikan Islam meliputi fungsi dan sifat pandangan alam yang khusus dan menghuraikan hubungan dan kesepaduan konsep ilmu, iman dan akhlak dalam pendidikan menurut Islam. Analisa kandungan secara deskriptif terhadap tema pandangan alam, ilmu dan akhlak dilakukan dalam sintesis pendidikan menurut Islam. Hasil kajian ini mendapati bahawa konsep ilmu berkait rapat dengan konsep Tuhan, manusia, wahyu, alam, kebenaran serta akhlak dan nilai. Kerangka pandangan alam yang bersepadu mempunyai ciri utama iaitu berteraskan Tauhid, bersumberkan wahyu, kolektif dan komprehensif. Kajian ini memberi sumbangan dari sudut pengembalian konsep ilmu menurut pandangan alam Islam ke dalam kerangka pendidikan agar kelompongan adab dan akhlak serta peminggiran nilai rohani dan ketuhanan di institusi pengajian dapat diatasi. Implikasi kajian ini mengukuhkan kesepaduan nilai ilmu, iman dan adab serta akhlak dalam membentuk graduan yang berkepakaran tinggi dalam sesuatu bidang serta memiliki kesedaran diri sebagai hamba-Nya dan berusaha memanfaatkan ilmu sebaiknya untuk kesejahteraan umat manusia sejagat.

Kata kunci: pandangan alam, konsep ilmu, pendidikan islam, adab, akhlak

### Abstract

*The worldview gives direction to every educational process. In Islam, the ultimate purpose of every educational process is to produce human beings with Islamic morality (akhlak). The problem of internalization of Islamic morality in a person is not solely due to the lack of knowledge. A knowledgeable person can also get involved with moral problems when there is confusion in understanding the Islamic concept of knowledge. As a result of this confusion, spiritual and divine values are separated from the field of knowledge. This article aims to (i) the function of the Islamic worldview as the foundation of Islamic education and (ii) describe the integration of the concepts of knowledge, faith and morality in education according to Islam. Descriptive content analysis focussing on the themes of worldview, knowledge and morality is done with the synthesis of the education according to Islam. The results of this study found that the*

*concept of knowledge is closely related to the concept of God, man, revelation, nature, truth and morals and values. The integrated worldview framework has the main features of being based on Tauhid, based on revelation, collective and comprehensive. This study contributes from the point of view of returning the concept of knowledge according to the Islamic worldview into the framework of education so that the problem of adab and morality as well as the marginalization of spiritual and divine values in educational institutions can be overcome. The implications of this study strengthen the integration of knowledge values, faith and manners and morals in forming graduates who are highly skilled in a field and have self-awareness as His servants and strive to utilize knowledge best for mankind.*

*Keywords:* worldview, concept of knowledge, Islamic education, akhlak, adab.

Pendidikan Islam mempunyai matlamat yang jelas iaitu membentuk insan yang bertaqwa. Ciri taqwa yang perlu diusahakan dalam peribadi seseorang perlu berlandaskan kepada kesepaduan ilmu, iman, amal dan akhlak. Kesepaduan ini tidak berlangsung secara automatik. Matlamat menjayakan kesepaduan ini memerlukan usaha yang berfokus dan secara sedar dalam memastikan pandangan alam Islam menjadi dasar segala proses pendidikan. Asas kepada pembentukan pandangan alam Islam tersebut ialah dengan membina kefahaman yang tepat terhadap konsep ilmu dalam Islam..

#### **Pernyataan Masalah**

Pendidikan yang tidak berteraskan pandangan alam Islam, mengarah kepada menuruti arus neo-liberalisme Barat yang mengukuhkan ideologi kapitalisme. Akibatnya, ilmu tidak lagi dilihat sebagai satu *fadilah* atau kebaikan, tetapi ilmu dijadikan alat untuk meraih keuntungan ekonomi (Dzulkifli 2021). Matlamat untuk mendapatkan pekerjaan bergaji tinggi dan meningkatkan status sosial lebih diutamakan berbanding matlamat mendapatkan hikmah dan berbuat kebaikan selaku hamba dan khalifah Allah SWT. Pendidikan di institusi pengajian tinggi juga menumpukan kepada pembinaan kepakaran dari sudut ilmu dan kepakaran bidang (domain kognitif dan psikomotor) berbanding pembinaan kejiwaan dan kerohanian (domain afektif) yang dapat membentuk nilai kemanusiaan dalam diri sehingga boleh menghayati nilai etika dan akhlak serta memahami makna kewujudan yang dikehendaki oleh Tuhan (Mohd Kamal 2021).

#### **OBJEKTIF KAJIAN**

Berdasarkan pernyataan masalah yang diutarakan, artikel ini bertujuan (i) menerangkan pandangan alam Islam sebagai landasan kepada proses pendidikan menurut Islam meliputi fungsi dan sifat pandangan alam yang khusus dan (ii) menghuraikan hubungan serta kesepaduan konsep ilmu, iman dan akhlak dalam pendidikan menurut Islam. Kedua-dua objektif ini merupakan usaha mengatasi arus neoliberalisme yang meminggirkan nilai rohani, etika dan adab serta nilai ketuhanan dalam pendidikan seterusnya meletakkan agenda pendidikan untuk membangunkan insan sejahtera secara holistik sebagai satu keutamaan.

#### **SOALAN KAJIAN**

Artikel ini menjawab persoalan kajian, (i) Apakah fungsi dan sifat pandangan alam Islam yang menjadi landasan pendidikan menurut Islam dan (ii) Bagaimanakah hubungan konsep ilmu, iman dan akhlak dalam pendidikan menurut Islam dapat melahirkan insan sejahtera yang holistik?

#### **TINJAUAN LITERATUR**

##### **Konsep Pandangan Alam**

Dalam kamus *The American Heritage Dictionary of the English Language* (2000) pandangan alam dijelaskan seperti berikut,

*"A person's worldview, whether it be Christian, humanist or whatever is a personal insight about meaning and reality. It is how a person interprets, through his or her own eyes, a personal belief about*

*the world. A person's worldview tries to give reasons for how the facts of reality relate and tie together. The summation of these facts provides the big picture into which the daily events of a person's life should fit."*

Pandangan alam ialah tanggapan seseorang tentang makna dan realiti sesuatu yang dalam berlaku dalam kehidupannya. Pandangan alam yang terbentuk dalam diri seseorang digunakan untuk menterjemahkan segalanya maksud peristiwa yang berlangsung dalam kehidupannya sehari-hari.

Berghout (2006) mendefinisikan istilah *worldview* atau pandangan alam sebagai satu set kepercayaan tentang Tuhan, dunia, ilmu dan segala perkara yang dianggap benar oleh manusia. Menurut beliau, pandangan alam juga disifatkan sebagai satu kerangka ilmu dan pemikiran yang mempengaruhi cara pandang, cara fikir dan cara mengetahui sesuatu. Oleh itu, pandangan alam juga sering dirujuk sebagai falsafah dan pandangan hidup seseorang. Definisi yang hampir serupa turut diutarakan oleh Hill dan Hood (1999) dan Wallace (2006) yang membahaskan bahawa pandangan alam adalah satu kerangka persepsi atau kepercayaan seseorang terhadap alam, menterjemah apa yang berlaku dan bagaimana seseorang itu berinteraksi dengan alam sekelilingnya.

Istilah umum yang lazim digunakan oleh sarjana Islam bagi pandangan alam adalah *tasawwur*. Perkataan *tasawwur* berasal dari kalimah *sawwara* yang menampung makna (i) memberi persepsi terhadap bentuk yang dilihat, (ii) usaha memberi pandangan terhadap sesuatu, dan (iii) untuk memberi hakikat sebenar sesuatu dan menghasilkan gambaran umum sesuatu dalam minda (Ibn Manzur 1994:473). Oleh itu, *tasawwur* boleh disimpulkan sebagai penjelasan atau gambaran sebenar dan sempurna tentang sesuatu yang dikaji (Mohd. Kamal 2021, Haron Din 1990).

Jika istilah pandangan alam ini digandingkan dengan Islam, maka pandangan alam Islam bermaksud gambaran sebenar dan sempurna tentang cara pandang Islam terhadap kewujudan diri manusia dan kehidupannya meliputi aspek akidah, ibadah dan akhlak (Haron 1990, Mohd Shukri 2013). Berghout (2007) pula merumuskan bahawa pandangan alam Islam adalah satu pandangan umat yang bersifat kolektif mengenai Pencipta, kewujudan alam ghaib, alam nyata, kehidupan, kemanusiaan, kerasulan, kekhilafahan, masyarakat, sejarah dan akhirat mengikut interpretasi ulama terhadap ajaran Islam yang bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah.

Berdasarkan penghuraian yang dijelaskan dapat difahami bahawa pandangan alam adalah satu set kepercayaan mengenai makna setiap sesuatu yang wujud dalam kehidupannya, termasuklah kewujudan diri individu, Pencipta dan alam sekelilingnya. Set kepercayaan ini dimiliki oleh setiap individu, dan bagi seorang Muslim, pandangan alamnya haruslah sesuai dengan pandangan alam Islam yang terkandung dalam sumbernya yang utama iaitu Al-Quran dan As-Sunnah.

#### **Keutamaan konsep ilmu dalam pembentukan pandangan alam.**

Dari aspek mencapai matlamat untuk membangunkan potensi individu secara menyeluruh dan seimbang, para sarjana bidang pendidikan, agama dan psikologi mula memberi perhatian kepada kajian pandangan alam apabila menyedari besarnya pengaruh pandangan alam dalam menentukan pemikiran dan tindak tanduk seseorang (Berghout 2007). Perubahan tingkah laku yang diharapkan dalam bidang pendidikan atau psikologi didapati hanya bersifat sementara sekiranya perubahan pada pandangan alam tidak diberi perhatian. Oleh itu, segala usaha mendidik dan membangunkan pemikiran, perasaan, tindakan, tingkah laku peribadi mahupun sosial seseorang insan, harus bermula dengan menerapkan pandangan alam yang tepat dalam diri insan berkenaan (Muhammad Hasanul Arifin 2019).

Dalam hal ini, beberapa persoalan penting yang lebih mendasar perlu diberi penelitian, iaitu (i) apakah pandangan alam yang tepat untuk dijadikan asas atau dasar kepada usaha pendidikan, (ii)

mengapa pandangan alam tersebut dianggap sebagai tepat (iii) mengapakah pandangan alam tersebut begitu penting (iv) sekiranya pandangan alam yang tepat telah dikenalpasti, bagaimana pula usaha yang harus dijalankan untuk mengubah pandangan alam sedia ada yang dipegang oleh seseorang individu agar selari dengan pandangan alam yang tepat itu dan (v) bagaimana untuk memastikan pandangan alam yang tepat dapat menatijahkan pemikiran dan tingkahlaku yang dikehendaki.

Jawapan kepada semua persoalan ini bersandar kepada kepercayaan seseorang terhadap ilmu (Al-Ghazali 2005, Al-Attas 2013). Kepercayaan yang tepat terhadap konsep ilmu, membawa insan kepada pandangan alam yang benar, begitu juga sebaliknya. Dalam bidang falsafah, kajian mengenai epistemologi melibatkan perbahasan mengenai asal usul, sifat-sifat dan metod dalam mencapai kepastian ilmu. Dalam Islam, persoalan konsep ilmu mempunyai perkaitan yang langsung dengan iman. Ini adalah disebabkan oleh paradigma dalam epistemologi Islam adalah berasaskan Tauhid (Al-Attas 2013). Kayu ukur epistemologi Islam adalah berasaskan wahyu dari Allah SWT. Namun begitu, epistemologi Islam tidak menolak atau merendahkan fungsi dan kepentingan pemerhatian empirikal, eksperimen saintifik dan pemikiran manusia dalam mencari ilmu dan kebenaran (Ahmad Munawar & Kamarul Azmi 2016).

Kepercayaan yang tepat terhadap ilmu menyebabkan manusia dapat membina pengetahuan dan keyakinan kepada konsep penting yang lain seperti (i) konsep Tuhan, (ii) konsep manusia, (iii) konsep ilmu, (iv) konsep wahyu, (v) konsep alam (vi) konsep realiti dan kebenaran (vii) konsep akhlak dan nilai (Hamid Fahmy 2005, Al-Attas 2013, Al-Syaibani 1991, Hasan Langgulung 2004). Seseorang manusia perlu memahami ketujuh-tujuh kata kunci ini sebagaimana yang ditunjukkan oleh wahyu iaitu Al-Quran dan As-Sunnah. Maka di sinilah peri pentingnya konsep ilmu dihadam kerana konsep ilmu memandu sumber ilmu yang bagaimanakah harus dijadikan rujukan dalam hidup. Dalam hal ini, Al-Attas (2013) menegaskan bahawa punca utama krisis umat Islam adalah kekeliruan ilmu. Kekeliruan ilmu tersebut disebabkan oleh kegagalan umat Islam mengenali ilmu dan sifat ilmu secara tepat.

Namun begitu, struktur kepercayaan mengenai konsep ilmu tidak akan sempurna melainkan proses pendidikan dan pembelajaran. Kepercayaan mengenai konsep ilmu, konsep insan dan konsep nilai tidak berlaku secara natural melainkan perlu dibina melalui proses pembelajaran yang sistematik. Oleh demikian, terdapat satu sebab yang sangat kukuh untuk membina falsafah dan sistem pendidikan berdasarkan pandangan alam yang sempurna (Alparslan 1996). Proses pendidikan yang didasari oleh ilmu yang betul dan sahih menatijahkan pandangan alam yang lebih luas dan mendalam. Ilmu yang sahih membentuk pandangan yang tepat mengenai konsep utama kehidupan iaitu (i) hidup, (ii) dunia, (iii) ilmu, (iv) insan dan (v) nilai. Kelima-lima konsep ini kemudiannya membentuk pemahaman dan pemikiran seseorang terhadap sesuatu perkara sehingga memandu tindak tanduk seseorang. Dengan itu, bentuk dan jenis pendidikan yang dilalui oleh seseorang sama ada berlandaskan kepada konsep ilmu dan pandangan alam yang benar atau tidak adalah faktor utama yang menentukan peribadi, sikap dan tingkahlaku seseorang individu (Mohd. Shukri Hanapi 2013, Fadzila Azni 2012).

Atas dasar inilah, Islam mewajibkan umatnya menuntut ilmu khususnya ilmu fardhu ain yang merangkumi akidah, syariat dan tasawuf. Ilmu fardhu ain ini menjelaskan hakikat-hakikat penting, seperti Tuhan, nabi, dunia, akhirat, dosa, pahala, syurga dan neraka kepada manusia agar manusia beroleh satu gambaran yang luas dan tepat tentang bagaimana pandangan alam yang harus dimilikinya dalam menjalani hidup di dunia (Sayid Qutb 2006, Al Syaibani 1991, Al-Buti 1996, Sabiq 2005). Selain itu, ilmu fardhu ain membekalkan manusia dengan makna yang tepat iaitu yang selari dengan makna yang diberikan oleh Allah SWT terhadap sesuatu. Seluruh makna tersebut disampaikan oleh Allah SWT kepada manusia melalui wahyu yang diajarkan oleh Rasulullah SAW (Mohd. Kamal Hasan 2010, Sa'id Hawwa 2004).

Tanpa ilmu dan pemberitahuan tersebut, interpretasi yang diberikan oleh akal manusia pasti tersalah (Hamid Fahmy 2005). Sebagai contoh, kemuliaan di sisi manusia sering diukur berdasarkan harta, pangkat dan rupa paras. Namun, melalui wahyu, Allah SWT menjelaskan kepada manusia bahawa kemuliaan diukur berdasarkan ketaqwaan (Al-Hujurat: ayat 13). Dengan contoh tersebut, dapat difahami bahawa peranan wahyu dan Rasulullah SAW sangat penting dalam membentuk pandangan alam yang sempurna. Pandangan alam tersebut memberiuraian tentang isu kewujudan dan kehidupan dengan prinsip ilmu yang tepat, seterusnya memandu akal dan jiwa manusia untuk mengambil pilihan dan tindakan yang benar dalam kehidupannya di dunia (Al-Attas 2012, Abdul Salam 2010).

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menumpukan kepada analisa teks secara tematik yang berkaitan pandangan alam dan konsep ilmu termasuk takrif, skop, fungsi dan hubungkait antara semua tema yang wujud. Kaedah penyelidikan perpustakaan digunakan untuk penulisan primer dan sekunder mengenai tema kajian dan dianalisis menggunakan kaedah deskriptif secara analisis-sintesis dan deduktif-induktif (Noor Hisham 2018). Pendekatan deskriptif secara analisis-sintesis digunakan untuk melihat konsep ilmu dan pandangan alam secara kritikal dan analitikal untuk fungsi dan kesepaduannya dengan elemen penting yang lain dalam konteks pendidikan menurut Islam.

## DAPATAN KAJIAN

### Fungsi pandangan Alam dalam pendidikan

Secara umumnya, para sarjana memberi tumpuan terhadap kajian pandangan alam apabila menyedari fungsinya dalam membentuk sikap, pemikiran dan tingkah laku seseorang. Kepercayaan yang salah memberi implikasi kepada perlakuan yang salah (Alparslan 1996, 2014). Oleh sebab itu, dalam bidang pendidikan, pandangan alam yang jelas sangat dipentingkan sebagai landasan semua visi, matlamat serta metodologi pendidikan. Di samping itu, pelajar yang dihasilkan turut bergantung kepada acuan pandangan alam yang digunakan sepanjang proses pendidikan (Hasan Langgulung 2004, Zahra Zeera 2001).

Berdasarkan perbahasan ilmuan Islam dan Barat (Berghout 2009, Wallace 2006, Cobern 1994, Alparslan 2014, Al-Attas 2013), fungsi pandangan alam secara lebih khusus adalah sebagai (i) satu set kepercayaan yang menjadi rujukan yang komprehensif dalam memberi makna dan penjelasan terhadap semua perkara yang wujud dalam kehidupan manusia (Berghout 2009, Wallace 2006). Bagi seseorang Muslim, pandangan alam yang berteraskan Tauhid memandunya untuk mengenali dan mengakui ketuhanan Allah SWT dan mengikuti segala perintah dan larangan-Nya (Al-Ghazali 2005, Al-Attas 2013). Selain itu, pandangan alam juga (ii) menyediakan justifikasi terhadap setiap tindakan seseorang, yakni sebab dan tujuan seseorang itu melakukan sesuatu (Wallace 2006). Secara tidak langsung, fungsi ini dapat memotivasi seseorang itu untuk mencapai kejayaan dan tidak berputus asa sekiranya berdepan dengan kesukaran dan kesusahan kerana dia berasa tanggungjawab dan sedar atas setiap tindakan yang dilakukan (Al-Ghazali 2005, Berghout 2009).

Di samping itu, pandangan alam yang jelas (iii) membolehkan manusia berinteraksi dan berhubung antara satu sama lain dengan lebih baik (Al-Ghazali 2005, Cobern 1994). Hal ini disebabkan oleh gambaran yang jelas dalam pandangan alam mengenai konsep insan yang meliputi persoalan seperti siapa insan, dari mana insan datang dan ke mana kehidupan insan akan berakhir serta mengapa insan dijadikan oleh Tuhan. Semua persoalan ini mengarah kepada satu bentuk persamaan antara semua manusia tanpa mengira perbezaan bangsa, agama atau budaya. Maka, corak komunikasi dan cara berhubung yang lebih baik dapat berlaku dalam kalangan masyarakat manusia (Al-Attas 2013, Cobern 1994).

Dalam masa yang sama, asas yang terdapat dalam pandangan alam mengenai Tuhan, hidup dan alam menjelaskan fungsi pandangan alam sebagai (iv) teras kepada sistem nilai yang menentukan baik atau buruk (Al-Attas 2013). Lazimnya, penilaian terhadap perilaku zahir ataupun pemikiran dan perasaan yang bersifat batin didasarkan kepada nilai baik buruk yang ditetapkan oleh sistem kepercayaan terhadap Tuhan atau agama (Al-Ghazali 2005, Al-Attas 2013, Cobern 1994, Wallace 2006).

Berdasarkan fungsi yang dihuraikan, dapat difahami bahawa pandangan alam sangat mempengaruhi kehidupan seseorang manusia dari sekecil-kecil perkara seperti pengurusan hidup sehari-hari seperti makan dan minum, sehingga kepada perkara yang lebih kompleks iaitu menentukan matlamat hidup, dan yang paling utama mengenali dan meyakini kewujudan kuasa Tuhan (Hamid Fahmy 2005). Namun begitu, persepsi seseorang tentang alam dan realiti boleh berbeza dengan individu yang lain kerana perbezaan (i) budaya, (ii) andaian tentang apa yang dianggap sebagai penting, (iii) kepercayaan terhadap apa yang dianggap benar, (iv) cara fikir (v) cara mendapatkan ilmu (Berghout 2009, Wallace 2006, Cobern 1994). Selain itu, asas utama yang menyebabkan manusia berpegang kepada pandangan alam yang berbeza adalah sifat akal manusia dan kecenderungan yang berbeza-beza dalam menterjemah setiap peristiwa yang berlaku di dunia.

#### **Kesepaduan Ilmu, iman dan akhlak dalam pandangan alam Islam**

Kesepaduan konsep ilmu, iman dan akhlak dapat dilihat secara jelas dalam pandangan alam Islam. Setiap satu elemen tidak terpisah malah saling mendokong antara satu sama lain. Hal ini disebabkan oleh, pandangan alam Islam menghuraikan perkara-perkara keagamaan yang mengandungi sistem kepercayaan, keimanan dan pengabdian diri kepada Tuhan. Maka, secara tidak langsung, pandangan alam Islam menyediakan satu sistem nilai yang memandu manusia ke arah kebahagiaan dan kesempurnaan (Berghout 2007, Al-Attas 2012). Selain itu, pandangan alam juga menyediakan landasan undang-undang dan penghakiman mengenai tindak tanduk manusia. Pandangan alam Islam juga menyediakan manusia satu visi ketamadunan yang membantu manusia mencapai kecemerlangan dan kesempurnaan dalam urusan masyarakat, budaya, ekonomi, politik dan kesenian. Visi hidup yang begitu jelas membantu manusia untuk menggunakan segala kelebihan diri untuk merealisasikan tujuan penciptaan dirinya sebagai khalifah Allah (Mohd. Shukri Hanapi 2013). Kesepaduan ketiga-tiga unsur yakni ilmu, iman dan akhlak dalam dilihat dalam sifat pandangan alam Islam yang sewajarnya menjadi asas kepada perkembangan, penyelidikan dan perbahasan semua bidang ilmu yang boleh dipelajari oleh manusia iaitu:

##### **(i) Berteraskan Tauhid**

Tauhid adalah titik pusat bagi semua kegiatan dalam Islam, sama ada dalam hal ehwal ilmu, agama ataupun cara hidup (Osman 2008, Mohd. Kamal Hasan 2010). Konsep Tauhid merujuk kepada kewujudan dan keesaan Allah SWT. Konsep Tauhid menyepadukan tuntutan yang terkandung dalam akidah, syariat dan akhlak. Oleh itu, keteguhan tauhid dalam pandangan alam seseorang membawa sikap patuh kepada syariat dan akhlak yang mulia (Ghazali 2001). Dalam sirah, Rasulullah SAW juga memulakan penerapan dan pengukuhan Tauhid sebelum ilmu-ilmu yang lain (Sayid Sabiq 1991, Ghazali 2008, Mohd. Shukri 2013). Konsep Tauhid yang menjadikan asas kepada pandangan alam Islam menjadikan semua konsep-konsep yang lain seperti konsep ilmu, konsep insan, konsep nilai dan konsep hidup turut bersifat sepada. Tuntasnya, asas pembentukan pandangan alam Islam adalah Tauhid. Tanpa Tauhid, agama Islam akan kehilangan keaslian dan dinamisme. Malah, Tauhid adalah pandangan umum terhadap realiti, kebenaran, ruang dan masa sejarah manusia serta tujuan hidup manusia.

(ii) **Bersumberkan wahyu**

Pandangan alam Islam adalah pandangan alam yang berteraskan wahyu dan disampaikan oleh Rasulullah SAW kepada sahabat sehingga ke generasi seterusnya melalui para ulama pada setiap zaman. Pandangan alam Islam juga adalah pandangan alam yang dikongsi oleh semua Muslim tanpa mengira perbezaan bangsa, budaya, bahasa dan adat setempat selagi mana ia masih boleh dierima oleh ajaran Islam. Wahyu telah membentuk struktur konsep baru tentang dunia dan menyatupadukan kepercayaan manusia khususnya Muslim dalam semua aspek kehidupan (Mohd. Shukri Hanapi 2013, Berghout 2007). Pegangan kepada wahyu sebagai sumber pandangan alam menjadikan pandangan alam bersifat konsisten dan tidak berubah dengan perubahan masa dan tempat (Al-Attas 2013).

(iii) **Bersepadan**

Pandangan alam Islam bersifat arkitektonik kerana kepercayaan, aspirasi, idea dan pernyataan yang membentuknya saling berhubungan dan berkesinambungan meskipun tidak bersusun secara sistematik (Alparslan 1996, 2014). Konsep Tauhid menjadikan segala tema yang terkandung dalam pandangan alam Islam bersifat sepadan. Kesepadan tersebut wujud antara kehidupan dunia dan akhirat, kewujudan alam ghaib dan alam nyata, ilmu dan amal, peranan akal dan hati, usaha secara kashfi dan kasbi, aqli dan naqli, individu dan masyarakat, ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah, memperkuatkan hubungan dengan Allah, manusia, alam roh dan jasad, ilmu dan amal, akal dan hati serta metod saintifik dan metod metafizik. (Mohd. Shukri 2013, Osman 2008). Dengan Tauhid, kombinasi bidang ilmu seperti ekonomi, politik, sosiologi, psikologi, falsafah dan undang-undang juga disepadan secara harmoni.

(iv) **Kolektif**

Berghout (2009) merumuskan bahawa pandangan alam Islam adalah satu pandangan umat yang bersifat kolektif mengenai Pencipta, kewujudan alam ghaib, alam, kehidupan, kemanusiaan, kerasulan, kekhilafahan, masyarakat, sejarah dan akhirat mengikut interpretasi ulama terhadap ajaran Islam. Interpretasi tersebut adalah dengan berijtihad menggunakan sumber utama dalam Islam iaitu al-Quran dan as-Sunnah.

(v) **Komprehensif**

Di samping itu, oleh sebab pandangan alam Islam merangkumi alam ghaib dan alam nyata, maka segala isu bersabit dengan kehidupan dunia dan akhirat, masa silam, semasa dan akan datang, intelek, spiritual, moral, etika, sosial, politik, ekonomi, budaya dan ketamadunan adalah terangkum dalam pandangan alam tersebut. Justeru, pandangan alam Islam menyediakan panduan komprehensif untuk manusia melaksanakan tugas sebagai khalifah. Dengan berpegang teguh kepada pandangan alam ini juga seseorang Muslim boleh mencapai kecemerlangan dalam aspek rohani dan akhlak di samping kejayaan dari aspek material, ketamadunan, budaya, dakwah dan perkembangan ilmu (Alparslan 1996, 2014).

## **PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

Dalam memperincikan hubungan antara konsep ilmu dan keimanan yang terkandung dalam pandangan alam Islam dapat difahami bahawa usaha mendapatkan keimanan yang jitu dan penghayatan akhlak secara istiqamah perlu mengikut kaedah atau syariat yang ditentukan oleh Allah SWT. Usaha tersebut juga perlu berteraskan prinsip Tauhid yang mengkehendaki seseorang itu memiliki konsep ilmu yang tepat. Prinsip Tauhid yang bersandar kepada konsep ilmu yang tepat membezakan pengabdian yang turut dilakukan oleh penganut agama lain terhadap Tuhan mereka. Malah konsep ilmu Islam yang jelas turut menghindarkan umat Islam dari mengambil agama sebagai ritual semata-mata atau menjadikan agama sebagai alat yang digunakan untuk memenuhi keperluan psikologi manusia sebagaimana yang dipegang oleh sesetengah kelompok masyarakat Barat (Al-Attas 2013, Osman 2008, Muhammad Shukri 2013).

Aspek hubungan konsep ilmu dengan akhlak pula dapat dilihat berdasarkan pengertian adab yang diberikan oleh Al-Attas (2001:45), iaitu “pengenalan serta pengakuan akan hak keadaan sesuatu dan kedudukan seseorang dalam rencana susunan berperingkat martabat dan darjah yang merupakan suatu hakikat yang berlaku dalam tabiat semesta.” Dalam Islam, ilmu dan adab adalah perkara yang bersalingan. Seseorang itu tidak akan memperolehi ilmu melainkan adab, dan seseorang juga tidak akan mampu beradab jika tidak memiliki ilmu.

Oleh yang demikian, ada keadaan yang menyebabkan adab berfungsi sebagai usaha untuk mendapatkan ilmu, dan terdapat keadaan adab berfungsi pula sebagai tujuan menuntut ilmu. Tuntasnya, ilmu dan adab tidak dapat dipisahkan. Pengenalan yang dinyatakan oleh Al-Attas (2001) merujuk kepada ilmu, manakala pengakuan merujuk kepada amal dan sikap yang betul. Ilmu tanpa amal adalah pengingkaran dan kesombongan, amal tanpa ilmu adalah kejahilan. Selain itu, Al-Attas (2013:21) juga menyatakan bahawa, “Sesungguhnya adab itu adalah suatu kelakuan yang harus diamalkan atau dilakukan terhadap diri dan yang berdasarkan pada ilmu.” Untuk itu, dapat diambil iktibar bahawa untuk merealisasikan adab dan akhlak yang tepat, manusia harus memiliki ilmu yang tepat juga.

Orang yang beradab adalah orang yang dapat memahami dan meletakkan sesuatu pada tempatnya, sesuai dengan martabat yang ditentukan oleh Allah. Merujuk kepada doa Rasulullah SAW yang berhajat kepada ilmu yang bermanfaat dan dihindari dari ilmu yang tidak bermanfaat, dapat difahami kepentingan ilmu yang benar dalam mendorong akhlak mahmudah pada setiap keadaan. Selain itu, ilmu yang bermanfaat mendatangkan rasa takut kepada Allah SWT. Pemilik ilmu yang bermanfaat juga sentiasa mengakui keagungan Allah SWT sehingga melahirkan sikap ubudiyah secara zahir dan batin kepada Allah SWT iaitu ketundukan dan rasa penghambaan kepada Allah SWT. Jika ilmu yang dipelajari tidak mendatangkan rasa gentar dan takut kepada Allah SWT maka ilmu yang diperolehi oleh seseorang itu adalah ilmu yang tidak bermanfaat. Oleh itu, penghayatan akhlak juga merupakan indikator kepada tahap ilmu seseorang.

Selanjutnya, dalam hubungan keimanan dan akhlak dapat dikatakan bahawa keimanan yang kukuh melahirkan kesan positif dalam akhlak individu dari aspek ketinggian personaliti, ketenangan emosi, keyakinan diri dan serta kebahagiaan hidup (Hamka 2003). Di samping itu, perbahasan mengenai Ad-Din oleh Al-Attas (2013) menjelaskan hubungkait keyakinan manusia terhadap Allah SWT dan hakikat diri sendiri dengan akhlak zahir dan juga batin. Amalan zahir adalah tingkah laku dan perlakuan seperti ibadah solat, bersedekah dan menolong orang lain. Manakala akhlak batin membabitkan keteguhan keyakinan kepada Allah SWT dan rukun iman yang lain. Keteguhan akhlak batin menzhirkan akhlak mahmudah yang dapat dilihat dalam muamalah seseorang kepada Allah SWT, diri sendiri dan masyarakat. Oleh itu, keimanan bukan sekadar melibatkan kesedaran yang wujud dalam pemikiran atau perasaan, tetapi juga perlu wujud dalam bentuk tindakan atau perbuatan yang melibatkan anggota jasad manusia. Di sinilah hubungan antara kepercayaan beragama dengan penghayatan akhlak yang boleh difahami.

Selain itu, bentuk hubungan antara keimanan dan akhlak juga dapat dilihat dalam konteks penyerahan dan ketundukan diri kepada Allah SWT secara sukarela dan berterusan. Justeru, ketundukan diri kepada Allah SWT dalam bentuk penghayatan agama yang sejati bukan perlaksanaan amalan agama Islam secara kebetulan, tanpa disedari, bukan juga dalam keadaan terpaksa atau dilakukan pada waktu tertentu sahaja (Haron 1990, Al-Ghazali 2008, Abul Hasan 2012). Sebagaimana konsep akhlak yang merumuskan keadaan jiwa yang mengeluarkan perilaku secara spontan dan lazim.

Selanjutnya, dalam menghubungkan aspek ilmu, iman, amal dan akhlak, dapat difahami bahawa penghayatan akhlak dan adab adalah kemuncak penilaian tahap amalan, iman dan ilmu seseorang. Secara tegas, Az Zarnuji (2001) dalam kitab *Adab al alim wa al muta'alim*, menukilkan bahawa Tauhid dapat dicapai melalui iman yang sempurna. Iman pula didasarkan oleh ilmu yang merupakan asas kepada kepercayaan, pengakuan dan amal perbuatan. Menurutnya, barangsiapa yang tidak beriman, ia tidak bertauhid. Pembuktian keimanan adalah dengan menurut syariat. Maka, sesiapa yang tidak bersyariat sesungguhnya dia tidak beriman dan tidak bertauhid. Selanjutnya syariat pula

mewajibkan adanya adab. Oleh itu, individu yang tidak beradab menunjukkan bahawa tiada syariat, iman dan tauhid pada dirinya.

Demikian dinyatakan kepentingan penghayatan akhlak dan adab sehingga menjadi perkara utama dalam dunia pendidikan Islam. Tanpa akhlak dan adab, pendidikan yang berlangsung tiada roh. Malah, ketiadaan adab merupakan penyebab utama hilangnya keberkatan dalam dunia pendidikan. Az-Zarnuji (2010) mengatakan bahawa, “Banyak dari penuntut ilmu yang sudah bersungguh-sungguh menuntut ilmu, namun mereka tidak dapat merasakan nikmatnya ilmu kerana mereka kurang memerhatikan soal adab dalam menuntut ilmu.”

Selain itu, urusan penghayatan akhlak yang menjadi indikator kepada tahap ilmu, iman dan ketauhidan seseorang menjelaskan kepada umat Islam bahawa ilmu untuk membersihkan hati dan jiwa turut merupakan ilmu fardhu ain. Hal tersebut adalah untuk memastikan akhlak batin dan akhlak zahir dapat dilaksanakan dengan sempurna. Amalan yang bermakna adalah amalan yang benar-benar datang dari hati. Hati yang baik akan mengeluarkan amalan yang baik. Oleh itu, seseorang manusia harus terlebih dahulu mengurus dan membersihkan hatinya dari kekotoran dan memasukkan hatinya dengan sifat mahmudah (Abdul Salam 2010; Al-Ghazali 2008; Said Hawa 1996). Oleh demikian, dapat disimpulkan bahawa penghayatan akhlak yang dikehendaki dalam pendidikan Islam bukan sekadar tingkahlaku zahir yang sopan dan menyenangkan, tetapi yang lebih utama adalah akhlak batin yang bersandar kepada ilmu yang benar, keyakinan yang mantap serta amal perbuatan yang ikhlas.

## KESIMPULAN

Artikel ini merumuskan proses pendidikan perlu berdasarkan kepada pandangan alam Islam yang jelas. Pandangan alam Islam menyepadukan elemen ilmu, iman, amal dan akhlak. Kesepadan ini dapat mengarah kepada pembinaan insan yang sempurna seperti mana yang terkandung dalam falsafah pendidikan Islam. Dalam masa yang sama, artikel ini juga menonjolkan kepentingan kepercayaan yang tepat terhadap konsep ilmu menurut Islam agar mana-mana penghususan bidang ilmu yang diceburi tetap dapat menghasilkan natijah ilmu yang dikehendaki iaitu peribadi insan yang penuh dengan keimanan kepada Allah SWT serta menghayati nilai akhlak yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

## Rujukan

- Abdul Salam Yussof. 2010. *Idea-idea pendidikan berkesan Al-Ghazali dan Konfusius*. Bangi: Penerbit UKM.
- Abul Hasan Ali Nadwi. 2012. Terj. Syed Putra Syed Ahmad. *Manusia dan kemaruk kebendaan*. Kuala Lumpur: Unit Buku Harakah.
- Ahmad Munawar Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. 2016. Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam. Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Al-Attas, Syed Muhamad al-Naquib. 1979. Preliminary thoughts on the nature of knowledge and the definition and aims of education. Dlm. *Aims and objectives of Islamic education*. Jeddah: Universiti King Abdul Aziz.
- Al-Attas, Syed Muhamad al-Naquib. 1980. *The Concept of education in Islam*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1978. *Islam and secularism*. Kuala Lumpur : Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1999. *The concept of education in Islam*. Edisi ke-3. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2001. *Risalah untuk kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: ISTAC.

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2007. Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Al-Attas. 1990. *The concept of education in Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Al-Attas. 2013. *Islam: Faham agama dan asas akhlak*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Al-Buti, Muhammad Said Ramadan. 1996. *Keyakinan hakiki-Kewujudan Maha Pencipta dan Tugas Makhluk di Alam Semesta*. Terj. Muhammad Sulaiman Yasin. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali , Abū Ḥamīd Muḥammad ibn Muḥammad. 2005. *Ihya' ulum al-din*. Kaherah: Dar al-Tauzi<sup>c</sup> wa al-Nasyr al-Islāmiyah.
- Al-Ghazali , Abū Ḥamīd Muḥammad ibn Muḥammad. 2008. *Al-Iqtisad fī al-i'tiqad*. Anas Muhamad Adnan al-Sharfawi (pnyt.). Beirut: Dar al-Minhaj.
- Alparslan Acikgenc. 1996. *Islamic science: Towards a definition*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Alparslan Acikgenc. 2008. Keperluan Kepada Sains Islam. Dlm. Baharudin Ahmad (pnyt). *Falsafah Sains Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alparslan Acikgenc. 2014. *Islamic Scientific Tradition in History*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Al-Sabiq, Sayyid. 2003. *Al-'Aqaid al-Islamiyyah*. Al-Qahirah : al-Fath lil 'Ilam al-Arabi.
- Al-Syaibani. 1991. Falsafah Pendidikan Islam. Terj. Hasan Langgulung. Shah Alam: Hizbi.
- Al-Zarnuji, B. A. 2001. *Instruction of the student: The method of learning*. Trans. G.E. von Grunebaum, & T.M. Abel. Chicago: The Starlatch Press.
- Al-Zarnuji, Burhan ud-Din. 1956. *Ta'lim al-Muta'allim ariq at-Ta'allum*. Cairo: Maktabat Abi.
- Al-Zarnuji. 2010. *Ta'lim al-Mutallim Tariq al-Ta'llum*. Terj. Abd. Ghani Maraqi. Kota Bharu : Jabal Maraqi Enterprise.
- Berghout, Abdelaziz. 2006. Concept Of Worldview Between Assumption And Truth (Observations On Selected Western And Muslim Views). *Jurnal Usuluddin*. (23-24):117–138.
- Berghout, Abdelaziz. 2007. Toward an Islamic Framework for Worldview Studies : Preliminary Theorization. *American Journal Of Islamic Social Sciences*. 24(2): 22–43.
- Berghout, Abdelaziz. 2009. Worldview: Objectives, Kinds and Approaches. In Abdelaziz Berghout (Ed.). *Introduction to the Islamic Worldview Study of Selected Essentials*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Coburn, W. W. 1994. Worldview Theory and Conceptual Change in Science Education Worldview Theory and Conceptual Change in Science. In *Scientific Literacy and Cultural Studies Project*.
- Dzulkifli Abdul Razak. 2021. Essay on Sejahtera Concept, Principle and Practice. Gombak: IIUM Press.
- Fadzila Azni Ahmad. 2012. Philosophical Underpinnings of Islamic Management Method : Worldview , Epistemology and Ontology. *International Journal of Humanities and Social Science*. 2(20): 150–161.

- Ghazali Basri. 2008. *Dinamika Tasawur Islam Dalam Pembentukan Keperibadian Umat*. Seri Begawan: Kolej Universiti Perguruan Ugama Brunei.
- Ghazali Basri. 2008. *Falsafah pendidikan Islam: Huraian konsep dan aplikasi*. Seri Begawan: Kolej Universiti Perguruan Ugama Brunei.
- Hamid Fahmy Zarkasyi. 2005. Worldview asas epistemologi Islam. *Jurnal Islamia*. (5):9-20.
- Hamka. 2003. *Kesepaduan iman dan amal soleh*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Haron Din. 1990. *Manusia dan Islam*. Bangi: PKENJ.
- Hasan Langgulung. 1999. *The ummatic paradigm of psychology*. Kuala Lumpur: Univision Press.
- Hasan Langgulung. 2004. *Manusia dan pendidikan: Suatu analisa psikologis, filsafat dan pendidikan*. Jakarta: Pustaka Al-Husna.
- Hill, P.C. & Hood, R.W. 1999. *Measures of religiosity*. Birmingham, Alamaba: Religious Education Press.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukram. 1994. *Lisān al-‘Arab*. Ed. Ke-3. Jil. Ke-3. Beirut: Dār al-Fikr li al-Tibā’ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī’.
- Kasule, Omar Hasan. 2009. Epistemologi Islam Dan Integrasi Ilmu Pengetahuan Pada Universitas Islam : Epistemologi Islam dan Proyek Reformasi Kurikulum. Seminar Pasca Sarjana, Institut Agama Islam Negeri, Palembang, 30 Januari.
- Mohd Kamal Hassan. 2021. The Malay Concept of Sejahtera from an Islamic Perspective. Gombak: IIUM Press.
- Mohd Shukri Hanapi. 2013. The Conceptual Elements of the Development Worldview in the Qur ’ an : A Study of Thematic Exegesis. *American Journal of Social Science*, 2(3), 40–55.
- Mohd Zaidi Ismail. 2019. Aqal, Ilmu dan Pendidikan: Kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Mohd. Kamal Hasan. 2010. A Return to the Qur’anic Paradigm of Development and Integrated Knowledge: The Ulul-Albab Model. *Intellectual Discourse* 18(2): 183–210.
- Noor Hisham Md Nawi. 2018. *Pengenalan Kaedah Penyelidikan Islam; Gagasan dan Amalan*. Kota Bharu : Universiti Malaysia Kelantan
- Osman Bakar. 2008. *Tawhid and Science: Islamic perspectives on religion and science*. Shah Alam: Arah Publication Sdn. Bhd.
- Qutb, Sayid. 2006. *Basic principles of the Islamic worldview*. North Haledon, NJ: Islamic Publications International.
- Sa’id Hawwa. 2004. *Jundullah Thaqaftan wa Akhlakan*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Sābiq, Sayed. 2000. *Al-‘Aqa’id al-Islamiyyah*. Kaherah: al-Fath li al-‘ilm al-‘Araby.
- Sābiq, Sayed. 2005. *Aqidah Islam*. Terj. Rangkaian Berkat. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.